

# DBKL sita barang penjaja asing

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita dan memindahkan halangan milik penjaja warga asing di beberapa lokasi sekitar ibu kota.

Antara lokasi terbabit adalah Desa Pandan dan Jalan Tun Razak, selain Lorong Raja Muda Abdul Aziz, Jalan Jemur dan Ja-

lan Raja Alang di Kampung Baru.

Dalam kenyataan semalam, DBKL memaklumkan, operasi dijalankan Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa DBKL.

“Melalui tindakan khas dijalankan, DBKL membuat 12 kes sitaan dan pindah halangan menerusi

peruntukan di bawah UUK 3(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016 serta Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“Antara barang yang disita adalah meja, kerusi plastik, kanopi, papan dan kaki meja serta lain-lain peralatan,” menurut kenyataan itu.